

Sanggup lari tinggalkan kekasih

Sanggup lari *tinggalkan kekasih*

Suspek bertindak demikian elak dicekup selepas kereta dipandunya bermuatan ketum 500kg terbabas

NORMAWATI ADNAN

GERIK - Kerana takut ditangkap, seorang lelaki sanggup melarikan diri dan meninggalkan kekasih dan anak perempuan kekasihnya selepas kenderaan yang membawa 500 kilogram daun ketum terbabas di Kilometer 41, Jalan Gerik-Jeli, Jumaat lalu.

Kejadian kira-kira jam 6.15 pagi itu berlaku, apabila kereta jenis Toyota Alphard dinaiki tiga individu itu diekori kereta peronda (MPV) polis setelah dilihat berada dalam keadaan mencurigakan.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Deputy Superintenden Mohd Sohaimi Ishak berkata, sebelum kejadian, anggota polis telah mengarahkan pemandunya agar memberhentikan kenderaan, namun ia terus dipandu la-

jumenghala ke arah Jeli, Kelantan.

Menurutnya, polis yang terus mengekori kenderaan itu kemudiannya menjumpai kereta sama terbabas dan rosak di bahagian tayar belakang.

"Terdapat seorang wanita berusia 40 tahun dan anak perempuannya berusia 16 tahun sedang keluar dari kenderaan terbabit, sementara pemandunya hilang dipercayai telah melarikan diri.

"Daripada soal siasat dilakukan, wanita itu memberitahu baharu sahaja berkenalan dengan lelaki terbabit dan pada pertemuan kedua itu, dia diajak menemani lelaki berkenaan ke Kedah," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau berkata, ketika kejadian, mereka dalam per-



Mohd Sohaimi (tiga, kiri) menunjukkan bungkus dipercayai daun ketum yang ditemui dalam kereta jenis Toyota Alphard, Jumaat lalu.

jalanan pulang ke Tumpat, Kelantan setelah mengambil bekalan daun ketum dari Sik, Kedah.

Katanya, lelaki berusia lingkungan 40-an berasal dari Kelantan itu sengaja membawa teman wani-

ta serta remaja terbabit bagi tujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

"Usaha mengesan lelaki

berkenaan giat dilakukan dan wanita berkenaan direman sehingga Khamis ini untuk siasatan.

"Manakala anak perempuannya telah dibebaskan dengan jaminan polis. Kedua-dua mereka juga tidak mempunyai rekod kesalahan lampau," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Sohaimi berkata, siasatan lanjut ke atas kenderaan itu menemui 15 bungkus plastik hitam mengandungi daun ketum seberat 500 kilogram dianggarkan bernilai RM20,000 yang diletakkan di bahagian tempat duduk belakang.

Menurutnya, pemeriksaan awal terhadap kenderaan, mendapati nombor enjin dan nombor casis kereta itu tidak wujud dan dipercayai merupakan sebuah kereta klon bagi model dan warna kenderaan yang sama.